



TINJAUAN ELEMEN ULUM AL-QURAN DALAM MANUSKRIP AL-QURAN DI ALAM MELAYU

REVIEW OF ULUM AL-QURAN ELEMENTS IN THE MALAY REALM'S AL-QURAN MANUSCRIPTS

Mohd Nazir Kadir

Ketua Pusat Islam, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Johor Bahru.

Mohd Faizulamri Mohd Saad

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pendahuluan


Penulisan al-Quran merupakan satu usaha penyalinan semula ayat-ayat suci al-Quran yang bermula sejak zaman Nabi SAW lagi. Diikuti khalifah seterusnya dengan mengekalkan bentuk gaya penulisan, susunan, bentuk tulisan iaitu rasm dan kosong dari sebarang tanda-tanda bacaan. Begitu juga manuskrip al-Quran yang dijumpai atau disimpan adalah satu budaya penyalinan semula ayat-ayat al-Quran.

Tradisi penyalinan al-Quran di Alam Melayu terus menerus bermula sejak abad ke-16 Masihi lagi (Asep Saefullah 2008) hinggalah pertengahan atau akhir abad ke-19 Masihi. Bukti-bukti terbaru menyaksikan bahawa beberapa buah manuskrip al-Quran masih boleh didapati di negara-negara seperti Sumatera, Jawa, Kalimantan, Pattani, Sulawesi, Malaysia, Brunei dan sebagainya.

Persoalan Kajian

Keberadaan manuskrip al-Quran di pelbagai wilayah dan lapisan masyarakat menunjukkan bahawa penyalinan mashaf al-Quran di Alam Melayu pada masa lampau cukup meluas. Selain tradisi penyalinan mashaf al-Quran, dunia Alam Melayu juga mula mengembangkan pelbagai ilmu termasuklah Ulum al-Quran. Ini terbukti apabila banyak bidang Ulum al-Quran mula disalin oleh para penyalin manuskrip atau dikarang oleh para ulama, malah metode penulisan beberapa manuskrip al-Quran dari sudut elemen Ulum al-Quran juga agak berbeza walaupun dari wilayah yang sama. Oleh itu timbul persoalan apakah elemen Ulum al-Quran yang terdapat dalam mashaf-mashaf tersebut yang menjadi isu dalam kajian filologi.

Hasil Kajian



Sekian terima kasih

Selamat membaca al-Quran